Abdul Rahim bin Kandalari Mustan lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (PERLIS) — PERMOHONANAN JENAYAH RA-44–2–03 TAHUN 2019
ABU BAKAR KATAR H
14 JUN 2019

Prosedur Jenayah — Penahanan penagih dadah — Habeas corpus — Permohonan habeas corpus — Serahan notis usul dan afidavit sokongan — Serahan dibuat ke Jabatan Peguam Negara — Sama ada serahan di Jabatan Peguam Negara mematuhi keperluan undang-undang — Responden-repsonden gagal hadir dan tiada afidavit jawapan difailkan — Sama ada permohonan harus dibenarkan — Akta Prosiding Kerajaan 1956 s 26

Ini merupakan permohonan habeas corpus oleh pemohon yang ditahan di pusat pemulihan akhlak di bawah satu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1986. Pemohon telah ditangkap kerana terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah jenis heroin sejak awal bulan Januari 2011–Julai 2018. Pemohon telah dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan selama dua tahun oleh responden pertama. Responden-responden tidak hadir pada tarikh-tarikh yang ditetapkan dan tiada afidavit jawapan difailkan walaupaun serahan notis usul dan afidavit sokongan telah dibuat kepada Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Permohonan pemohon termasuk dalam 'any civil proceedings by or against the Government' bagi maksud s 26 Akta Prosiding Kerajaan 1956 yang mana serahan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya mematuhi keperluan undang-undang (lihat perenggan 18).

(2) Permohonan habeas corpus hanya bergantung kepada afidavit dan tidak perlu suatu perbicaraan. Dalam kes semasa, pemohon telah memperincikan alasan-alasan untuk mencabar Perintah Tahanan bertarikh 17 Oktober 2018. Namun, responden-responden langsung tidak memfailkan apa-apa afidavit jawapan. Memandangkan peguam kanan persekutuan tidak hadir dan tiada afidavit jawapan difailkan, maka mahkamah telah membenarkan permohonan (lihat perenggan 13–15 & 19).

[English summary

This was a habeas corpus application by the applicant who was detained at the rehabilitation centre under a detaining order which was issued by the Deputy Minister of Home Affairs under s 6(1) of the Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1986. The applicant was arrested for involvement with dealing of heroin since early January 2011–July 2018. The applicant was sent to the Rehabilitation Center, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan for two years by the first respondent. The respondents were not present on the dates that were scheduled and no affidavit in reply was filed even though service of the notice of motion and affidavit in support was made to the Attorney General's Chambers, Putrajaya.

Held, allowing the application:

(1) The applicant's application is included in 'any civil proceedings by or against the government' for the meaning of s 26 Government Proceedings Act 1956 wherein service to the Attorney General's Chambers, Putrajaya fulfilled the legal requirements (see para 18).

(2) A habeas corpus application only relies on affidavits and there is no need for a hearing. In the present case, the applicant has particularised the grounds to challenge the Detaining Order dated 17 October 2018. Despite that, the respondent did not file any affidavit in reply. Taking into account the senior federal counsel was not present and no affidavit in reply was filed, the court has therefore allowed the application (see paras 13–15 & 19).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai habeas corpus, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2321.

Kes-kes yang dirujuk

Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281; [2000] 1 CLJ 503, MR (dirujuk)

Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 6(1)
Akta Prosiding Kerajaan 1956 s 26

Muhamad Asri bin Abdul Hamid (Md Yusuf bin Md Idris bersamanya) (Muhamad Asri & Co) bagi pihak pemohon.
Tanpa kehadiran bagi pihak responden.

Abu Bakar Katar H:

MUKADIMAH

[1] Ini merupakan permohonan *writ of habeas corpus* oleh pemohon yang kini sedang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan di bawah satu Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta').

[2] Mahkamah ini pada 3 Mei 2019 telah membenarkan permohonan pemohon di lampiran (1).

[3] Responden-responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia atas keseluruhan keputusan. Rayuan ini telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No 05(HC)-133–06 Tahun 2019(R).

LATAR BELAKANG KES

[4] Pemohon telah ditangkap di bawah Akta itu kerana terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah iaitu dadah berbahaya jenis heroin sejak awal bulan Januari 2011 hingga bulan Julai 2018 disekitar kawasan hadapan Maybank Gelugor, Jelutong, Pulau Pinang, di Stesen Minyak Shell Lunas, Kulim, Kedah dan Restoran KFC, Lancang, Georgetown, Pulau Pinang.

[5] Pemohon turut menjual dadah berbahaya jenis heroin dalam bentuk peket (anggaran berat 115g sepeket) berharga RM1,500 sepeket.

[6] Pemohon juga terlibat pembelian bekalan dadah berbahaya jenis heroin daripada pengedar dadah tempatan dalam bentuk satu paun berharga antara RM4,300 hingga RM4,500 untuk tujuan pengedaran.

[7] Pemohon kemudiannnya telah di hantar ke Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan selama dua tahun mulai 17 Oktober 2008 oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia di bawah s 6(1) Akta itu.

[8] Pemohon kemudiannya melalui peguamnya iaitu Tetuan Muhamad Asri & Co memfailkan notis usul untuk habeas corpus bagi mencabar perintah tahanan bertarikh 17 Oktober 2018.

MERIT PERMOHONAN PEMOHON

[9] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan berkaitan permohonan pemohon untuk habeas corpus.

[10] Notis usul telah ditetapkan untuk pendengaran pada 12 April 2019 di hadapan YA Dato' Ahmad Shahrir bin Mohd Salleh PK. Pada tarikh 12 April 2019 peguam yang mewakili pemohon iaitu En Yusof Idris telah hadir. Peguam pemohon telah memaklumkan notis usul dan afidavit sokongan telah diserahkan pada 1 April 2019 kepada responden-responden secara *courier* ke Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Responden dan/atau peguam kanan persekutuan tidak hadir pada tarikh 12 April 2019.

[11] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan, YA Dato' Ahmad Shahrir PK kemudiannya menetapkan pada 3 Mei 2019 untuk pengurusan kes. YA selanjutnya telah mengarahkan pemohon memaklumkan tarikh baru kepada responden-responden. YA turut mengarahkan responden-responden memfailkan afidait jawapan dalam tempoh 14 hari selepas serahan notis usul dan afidavit sokongan.

[12] Kes kemudiannya disebut pada 3 Mei 2019 tanpa kehadiran peguam kanan perekutuan yang mewakili responden-responden. Peguam pemohon telah mengesahkan tarikh hari ini telah diberitahu kepada responden-responden melalui courier ke Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Mengikut bukti serahan, surat makluman diterima di Jabatan Peguam Negara pada 15 April 2019 jam 4 petang. Mahkamah telah menunggu sehingga jam 10 pagi namun responden-responden atau wakilnya tidak hadir. Peguam pemohon telah menarik perhatian mahkamah ini kepada tujuan habeas corpus perlu disegerakan. Di peringkat ini memandangkan responden-responden tidak hadir dan tiada afidavit jawapan difailkan, pemohon meminta perintah seperti dipohon di lampiran (1).

[13] Mahkamah ini sedar permohonan habeas corpus hanya bergantung kepada afidavit dan tidak perlu suatu perbicaraan. Pendekatan ini ada disarankan dalam kes *Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47 dimana YA Wan Yahya bin Pawan Teh HMA ada menzahirkan pandangannya:

> ... Whereas a habeas corpus application which normally assumes the nature of a trial by affidavit, does not involve any witness who could be examined, crossed or re-examined. Furthermore even if the provision is to be applied, ...

[14] Mahkamah ini turut menimbangkan segala dakwaan pemohon yang melibatkan perintah tahanan tidak tercabar tanpa apa-apa afidavit jawapan

A difailkan oleh responden-responden. Pemohon telah memperincikan alasan-alasan untuk mencabar perintah tahanan bertarikh 17 Oktober 2018 sebagaimana di perenggan 7(i)–(viii). Mahkamah ini merujuk kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281; [2000] 1 CLJ 503 dimana YA Ahmad Fairuz HMR ada memberi panduan apabila melibatkan
B keterangan afidavit seperti berikut:

> Now, it is a well settled principle governing the evaluation of affidavit evidence that where one party makes a positive assertion upon a material issue, the failure of his opponent to contradict it is usually treated as an admission by him of the fact so
C asserted: *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382; *Overseas Investment Pte Ltd v Anthony William O'Brien & Anor* [1988] 3 MLJ 332. ...

D **[15]** Mahkamah ini berpendapat dalam kes dihadapan mahkamah sekarang responden-responden langsung tidak memfailkan apa-apa afidavit jawapan sebagaimana yang diarahkan oleh YA Dato' Ahmad Shahrir PK semasa pengurusan kes buat pertama kalinya pada 12 April 2019.

E **[16]** Mahkamah ini menyentuh tindakan peguam pemohon menyerahkan notis usul dan afidavit sokongan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya dan bukannya kepada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Pejabat Timbalan Menteri, Aras 12, Parcel D1, Kompleks Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya.

F **[17]** Mahkamah ini berpendapat mengikut s 26 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('Akta 1956') ada diperuntukan cara serahan dokumen diserahkan. Bagi kemudahan rujukan diperturunakn peruntukan s 26 Akta 1956 yang memperuntukan:

G
> Without prejudice to section 24 and section 25, all documents required to be served on the Government for the purpose of or in connection with any civil proceedings by or against the Government may be served, in the case of proceedings by or against the Federal Government, on the Attorney General or such other officer as may be designated in that behalf, either generally or specially, by the Attorney General by notification in the Gazette, and, in the case of proceedings by or against the
H Government of a State, on the State Secretary, and, in the case of the States of Sabah and Sarawak, on the State Attorney General of such State.

I **[18]** Mahkamah ini berpendapat permohonan pemohon termasuk dalam 'any civil proceedings by or against the Government' bagi maksud peruntukan s 26 Akta 1956. Mahkamah ini berpendapat serahan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya mematuhi keperluan undang-undang.

[19] Mahkamah ini tiada pilihan lainnya pada ketika itu (tanpa kehadiran peguam kanan persekutuan dan tiada afidavit jawapan difailkan), berdasarkan

prinsip dalam kes *Ng Hong Choon* dan *Ng Hee Thoong*, mahkamah ini membenarkan lampiran (1). A

KESIMPULAN

[20] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini membenarkan permohonan pemohon untuk habeas corpus. Pemohon dibebaskan dengan serta merta daripada Pusat Pemulihan Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. B

Permohonan dibenarkan. C

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan

D

E

F

G

H

I